

09/08/2003

Cubaan pecah rekod menara buku tertinggi

PETALING JAYA: Malaysia dijangka mencatat rekod apabila Menara Buku Tertinggi menyerupai Menara Berkembar Petronas akan dibina sebagai penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana jasa dan khidmatnya sebagai Perdana Menteri.

Menara setinggi 12 meter itu melambangkan semangat keberanian kepemimpinan beliau sepanjang 22 tahun yang membawa negara ke arah ekonomi dan masyarakat berilmu.

Pada majlis pelancaran, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen, meletakkan buku pertama Menara Buku Tertinggi, anjuran Hardknocks Factory Sdn Bhd, di sini kelmarin.

Beliau berkata, usaha Dr Mahathir menjadikan Malaysia negara pelbagai kaum dan agama hidup aman di bawah satu bumbung menjadi kebanggaan rakyat.

"Kita hidup senang dalam persekitaran aman di bawah pentadbirannya tetapi masih ada antara kita yang bersikap sambil lewa, terutama golongan muda hari ini yang tidak pernah bersusah payah," katanya.

Dr Ng berkata, belia harus belajar menghormati dan cuba mengenali semula usaha Dr Mahathir menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

Projek Menara Buku Tertinggi itu akan dipamerkan sehingga 1 September depan dan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records dan kemungkinan besar turut dicatat dalam Guinness Book of Records.